

**PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM PENGAJARAN GURU
BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH**

*(Inculcation Of Generic Skills By The Malay Language Teachers In
Teaching Malay Language In Secondary Schools)*

UMI NADIHA MOHD NOR

nadiha82@yahoo.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

ZAMRI MAHAMOD

d-zam@ukm.mu

Universiti Kebangsaan Malaysia

JAMALUDIN BADUSAH

jhb@ukm.mu

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti kemahiran generik yang diterapkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, (ii) menentukan perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan, dan (iii) menentukan hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang dijalankan terhadap 120 orang guru Bahasa Melayu di daerah Kluang yang dipilih secara sampel bertujuan. Data dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif, ujian-t, dan korelasi *Pearson*. Hasil kajian menunjukkan kemahiran generik yang banyak diterapkan oleh guru Bahasa Melayu di daerah Kluang ialah kemahiran beretika dan moral. Manakala kemahiran yang kurang diterapkan ialah kemahiran menggunakan teknologi. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati tidak wujud hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Implikasi kajian ini ialah telah memberi sumbangan kepada pedagogi guru dan petanda bahawa guru bahasa mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar dalam konteks pengajaran bahasa. Bagi memastikan matlamat tercapai, guru mesti dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran generik.

Kata kunci: Kemahiran generik, pengajaran, guru bahasa Melayu, sekolah menengah

ABSTRACT: *The aim of the study is to (i) identify generic skills inculcated by Malay language teachers in teaching and learning of the Malay language (ii) determine significant diff and rences that in generic skills application between male teachers and*

female teachers, and (iii) determine significant relationship between teaching experience and generic skills application in teaching and learning of the Malay language. This shaped study survey uses questionnaire instrument which was carried out by 120 Malay language teachers in the Kluang district whom were chosen through purposive sample. The data are being analysed using descriptive statistical analysis, t-test, and Pearson correlation. The survey results show that generic skills inculcated by Malay language teachers in Kluang district are ethical skills and moral. Meanwhile skills in using technology is less inculcated. The survey results also show that there is no difference in generic skills application between male teachers and female teachers. Nevertheless, the study show that no significant relationship exist between teaching experience with inculcation of generic skills application in teaching and learning of the Malay language. Implications of this study is giving the contribution to teacher pedagogy and sign that language teacher has the task and big responsibility in language education context. To ensure the objective achieved, teacher must be equipped with knowledge and generic skills.

Keywords: *Generic skills, teaching, Malay language teachers, secondary school*

PENGENALAN

Keberkesanan dan kejayaan sesebuah institusi pendidikan sangat bergantung kepada kemampuan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Kepimpinan guru yang berkualiti di bilik darjah menjadi faktor kritikal dan penentu kepada keberkesanan pendidikan. Hala tuju pendidikan pada masa depan bermatlamat untuk menghasilkan murid yang berkeyakinan, produktif, inovatif dan kreatif. Hal ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang boleh memenuhi keperluan pasaran kerja, mampu berdaya saing, mempunyai jati diri, dahagakan ilmu, bersifat antarabangsa dan menjadi pendorong pertumbuhan ekonomi negara (PPK 2001). Ahamad (2005) menyatakan perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan tanah air mendesak guru menguasai pelbagai kemahiran generik, seperti, kemahiran berfikir, kemahiran mengguna dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran belajar, dan kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik. Penggunaan kemahiran generik secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu amat bergantung kepada penguasaan kemahiran pengintergrasiannya dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran, dan tidak kurang pentingnya kemahiran TMK (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Di Malaysia konsep kemahiran generik telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam beberapa mata pelajaran dan juga program (PPK 1999). Perubahan ini adalah perlu kerana setiap perubahan yang berlaku adalah untuk memberi satu bentuk pendidikan yang berkualiti dan bermakna kepada pelajar. Misalnya, FPK yang digubal mempunyai matlamat yang ingin menghasilkan warganegara yang berilmu penetaahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara (Abu Bakar & Ikhsan 2003).

Kemahiran generik yang ingin diterapkan kepada pelajar perlu dipertimbangkan supaya relevan, berguna dan tahan lama serta boleh menguatkan sistem pendidikan agar mampu untuk menjadi asas kepada sokongan pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Safarin & Kamaruddin 2004). Menurut mereka lagi, kemahiran generik hendaklah berfaedah dan penting untuk para pelajar menceburi semua bidang kerjaya dan memenuhi keperluan majikan masa kini. Kemahiran generik ini adalah sesuatu yang realistik dan penting untuk dibangunkan dan ditaksir. Kemahiran-kemahiran ini sangat diperlukan oleh semua sektor untuk menjadikan pelajar dan pekerja lebih efektif dan berkesan (Rodiah, Siti Rahayah & Noriah 2008).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran generik yang diterapkan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Secara khusus, tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui kemahiran generik dominan yang diterapkan oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Mengetahui perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan Bahasa Melayu.
3. Mengetahui pasti hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran Bahasa Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, kajian ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Adakah kemahiran generik yang dominan diterapkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?
2. Adakah terdapat perbezaan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam pengajaran Bahasa Melayu?
3. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu?

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Soal selidik diedarkan kepada sampel kajian dan kemudiannya dikumpulkan. Setelah itu, pemerhatian dan pengekodan akan diberikan. Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu di sekolah menengah di daerah Kluang. Jumlah guru yang akan dijadikan responden dalam kajian ini adalah seramai 120 orang dan diambil berdasarkan sampel bertujuan. Soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data dalam kajian ini.

Soal selidik dalam kajian ini memerlukan responden memilih salah satu daripada skor berdasarkan petunjuk. Skala Likert lima mata telah dipilih kerana nilai kebolehpercayaannya yang tinggi dan memberi ruang pilihan yang banyak kepada responden untuk membuat pilihan yang tepat (Mohd Majid 2005). Skala Likert 5 mata digunakan untuk memperolehi data bagi bahagian B. Skor 1 digunakan untuk skala Sangat Tidak Kerap, skor 2 untuk skala Tidak Kerap, skor 3 untuk skala Kurang Kerap, skor 4 untuk skala Kerap dan skor 5 untuk skala Sangat Kerap. Penyelidik kemudiannya mengkategorikan kembali pengkelasan skala Likert lima mata kepada tiga peringkat. Kategori tersebut bertujuan untuk mengelaskan setiap item kepada tahap-tahap tertentu bagi membolehkan analisis yang dilakukan lebih jelas dan bermakna. Interpretasi skor min ini diubah suai daripada kajian Azam (2000) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi skor min yang digunakan

Tahap Penerapan	Kekerapan	Interpretasi Skor Min
<ul style="list-style-type: none"> • Rendah • Sederhana • Tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak kerap • Kurang kerap • Kerap 	<ul style="list-style-type: none"> • 1.00 hingga 2.33 • 2.34 hingga 3.66 • 3.67 hingga 5.00

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Untuk menjawab persoalan kajian mengenai tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu terdapat 42 item, iaitu terdiri daripada aspek-aspek kemahiran komunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran beretika dan moral. Item-item yang telah dibina adalah untuk mengenal pasti tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru Bahasa Melayu. Item-item tersebut telah dianalisis mengikut persoalan kajian, dan dapatan analisis item-item tersebut yang dapat dilihat di dalam Jadual 2.

Jadual 4.2 menunjukkan taburan enam kemahiran generik yang diterapkan oleh responden berdasarkan min dan tahap bagi setiap elemen kemahiran generik dalam proses pengajaran guru Bahasa Melayu. Daripada enam kemahiran generik yang digunakan, dapatan kajian mendapati status bagi penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu setiap adalah pada tahap yang tinggi. Namun hanya satu sahaja kemahiran generik yang berada pada tahap sederhana. Kemahiran beretika dan moral mencapai min paling tinggi, iaitu 4.49 diikuti kemahiran komunikasi dengan min 4.21, bekerja dalam kumpulan dengan min 4.18, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti dengan min 4.03, dan kemahiran menyelesaikan

masalah dengan min 4.02. Kemahiran menggunakan teknologi merupakan kemahiran generik paling rendah nilai min, iaitu 2.73.

Jadual 2: Tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu

Dimensi	Min	Tahap
Kemahiran komunikasi	4.21	Tinggi
Kemahiran menggunakan teknologi	2.73	Sederhana
Kemahiran merancang dan mengelola aktiviti	4.03	Tinggi
Kemahiran bekerja di dalam kumpulan	4.18	Tinggi
Kemahiran menyelesaikan masalah	4.02	Tinggi
Kemahiran beretika dan moral	4.49	Tinggi

Analisis Ujian-t: Perbezaan Penerapan Kemahiran Generik berdasarkan Jantina dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam pengajaran bahasa Melayu.

Jadual 3 menunjukkan min bagi penerapan kemahiran generik guru lelaki (min=3.87, sisihan piawai=0.37) adalah lebih rendah daripada min penerapan kemahiran generik guru perempuan (min=3.99, sisihan piawai=0.42). Hasil ujian-t menunjukkan bahawa keputusan yang tidak signifikan, iaitu nilai ($t = 1.597, p=0.113, p>0.05$). Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu Ho1 diterima. Keputusan ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 3: Keputusan ujian-t :bagi pemboleh ubah penerapan kemahiran generik dan jantina

Pemboleh ubah	Bil. Sampel	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	DK	P (2-hujung)
Lelaki	43	3.87	0.37	1.597	118	0.113
Perempuan	77	3.99	0.42			

Analisis Korelasi Pearson: Hubungan Penerapan Kemahiran Generik dengan Pengalaman Guru Mengajar dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu.

Jadual 4 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan guru Bahasa Melayu. Analisis hubungan antara pengalaman mengajar dengan penerapan kemahiran generik dijalankan dengan menggunakan ujian korelasi Pearson. Hasil analisis menunjukkan koefisien korelasi ialah $r = 0.055$. Hal ini menunjukkan bahawa tiada hubungan antara pengalaman mengajar dan penerapan kemahiran generik (Alias 1999). Manakala nilai signifikan (p) yang diperolehi ialah 0.550 dan nilai ini lebih besar dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu $\alpha (0.01)$ menyebabkan H_0 diterima. Hal ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 4: Keputusan korelasi pearson antara pengalaman mengajar guru dengan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu

		Pengalaman Mengajar	Penerapan Kemahiran Generik
Pengalaman Mengajar	Korelasi Pearson	1	0.055
	Sig.(2-Tailed)	.	0.550
	N	120	120
Penerapan Kemahiran Generik	Korelasi Pearson	0.055	1
	Sig.(2-Tailed)	0.550	.
	N	120	120

PERBINCANGAN

Kemahiran Generik yang Dominan Diterapkan oleh Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran

Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran yang paling kerap diterapkan oleh guru-guru Bahasa Melayu mengikut urutan adalah (i) kemahiran beretika dan moral, (ii) kemahiran komunikasi, (iii) kemahiran bekerja dalam kumpulan, (iv) kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, (v) kemahiran menyelesaikan masalah, dan (vi) kemahiran menggunakan teknologi. Lima kemahiran generik berada pada tahap tinggi dan menunjukkan bahawa kemahiran tersebut kerap diterapkan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Manakala kemahiran menggunakan teknologi berada pada tahap yang sederhana dan kurang kerap diterapkan berbanding dengan kemahiran-kemahiran yang lain.

Tahap Kemahiran Beretika dan Moral

Kajian yang dijalankan mendapati kemahiran beretika dan moral berada pada tahap yang paling tinggi daripada enam kemahiran generik yang telah disenaraikan. Dengan min 4.49, kemahiran beretika dan moral berada pada tahap yang tertinggi berbanding lima lagi kemahiran yang tersenarai dalam kajian ini. Seramai 70 orang (58.3%) guru

telah menanda skala sangat kerap bagi pernyataan item menanamkan nilai-nilai murni dalam setiap pengajaran. Hasil kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Zaridah (2005) yang mengkaji amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran mata pelajaran KBSM di sekolah menengah di daerah Jasin. Kajian Zaridah mendapati guru kerap menyerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka. Hasil dapatan pengkaji juga telah menyamai dapatan kajian Saiful Bahri (2008) yang mendapati bahawa tahap penerapan kemahiran nilai murni 81 orang guru-guru Bahasa Melayu di Besut, Terengganu juga berada pada tahap yang tinggi.

Guru-guru Bahasa Melayu yang kerap menerapkan kemahiran beretika dan moral dalam pengajaran mereka juga selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Norlela (2007). Beliau telah mengkaji penyerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan nilai-nilai murni kerap diterapkan oleh responden ialah nilai hormat menghormati dan baik hati. Rumusannya, guru-guru Bahasa Melayu sedar kepentingan menerapkan kemahiran beretika dan moral kerana dalam bidang tugas guru Bahasa Melayu itu sendiri sudah terdapat 16 nilai murni yang perlu diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya dilihat dari teks Komsas.

Tahap Kemahiran Komunikasi

Kemahiran kedua yang paling kerap digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu ialah kemahiran komunikasi. Dengan min 4.21, kemahiran komunikasi boleh dikategorikan sebagai kemahiran yang tinggi tahap penerapannya. Hal ini menunjukkan bahawa, guru Bahasa Melayu menggunakan kemahiran komunikasi dalam pengajaran mereka dengan menggalakkan pelajar bertanya jika tidak faham. Seramai 66 orang (55.0%) guru telah menanda skala sangat kerap bagi pernyataan item menggalakkan pelajar bertanya jika tidak faham. Guru-guru Bahasa Melayu kerap menggunakan kemahiran komunikasi kerana aspek komunikasi adalah penting dalam pembelajaran bahasa. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Azam (2010) terhadap tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru kejuruteraan sekolah menengah teknik di negeri Kelantan dan Terengganu. Dalam kajian mereka, kemahiran komunikasi adalah antara kemahiran yang diterapkan oleh guru. Rata-rata guru menyedari kepentingan komunikasi begitu juga dengan murid-murid (Husin 1999). Guru juga sedar penggunaan kemahiran komunikasi merupakan kemahiran asas yang diperlukan dalam apa-apa jua bidang pekerjaan yang diceburi (Abdul Aziz 2003). Kajian yang dilakukan oleh Anisah (2010) turut mendapati bahawa pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu mempunyai persepsi kemahiran komunikasi yang tinggi.

Tahap kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi kerana fungsi guru di dalam bilik darjah juga mempengaruhi bentuk interaksinya dengan pelajar. Guru menganggap dirinya mempunyai pengetahuan yang lebih daripada pelajar, jadi guru menentukan tujuan dan mengawal perkembangan interaksi di dalam bilik darjah. Keadaan interaksi yang sedemikian rupa mungkin menyebabkan pelajar terpaksa membentuk strategi baru untuk berinteraksi di dalam bilik darjah kerana bentuk

interaksi ini mungkin berbeza dengan keadaan interaksi di luar bilik darjah yang membolehkannya membentuk tujuan mengawal interaksi (Juriah & Zainal Abidin 2006). Dapatan kajian yang menunjukkan guru menerapkan kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi selaras dengan cadangan yang telah disyorkan oleh Juriah dan Zainal Abidin. Mereka mengatakan bahawa guru bahasa berperanan untuk membentuk kecekapan bahasa dan kecekapan berkomunikasi pelajar. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu mendorong pelajar menggunakan kecekapan bahasa dan kecekapan berkomunikasi dalam pengajaran mereka.

Tahap Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan

Dalam kajian ini, dengan min sebanyak 4.18, kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah antara kemahiran yang tinggi tahap penerapannya. Seramai 64 orang (53.3%) guru telah menanda skala kerap bagi pernyataan item memastikan aktiviti perbincangan berjalan dengan berkesan untuk mencapai matlamat pengajaran. Menurut Ahmad Atory (1991), dalam pengkhususan kerja, semua orang mengetahui bahawa tugas yang banyak boleh disempurnakan dengan lebih baik oleh dua atau lebih pekerja jika dibandingkan dengan seorang sahaja.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru telah mengamalkan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam proses pengajaran pembelajaran. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Yeop Hussin (2006) yang mengatakan bahawa kerja berpasukan dapat berjalan lancar sekiranya mempunyai pemimpin yang baik, anggota bertanggungjawab, hubungan yang erat antara ketua pasukan dan ahli-ahlinya, bersama-sama menyelesaikan masalah dan mempunyai matlamat yang jelas. Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Azam (2010) yang mendapati guru kejuruteraan menerapkan kemahiran bekerja di dalam kumpulan dengan kerap. Pelajar yakin bekerja dalam berpasukan akan membantu mereka dalam menyempurnakan tugas yang diberikan.

Namun demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2008). Kajian mereka mendapati penerapan kemahiran komunikasi, kemahiran kerja dalam kumpulan dan kemahiran kepimpinan dalam kokurikulum berada pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati bahawa kaedah yang kerap digunakan untuk menerapkan kemahiran generik dalam kokurikulum adalah perbincangan dalam kumpulan, pelaksanaan projek dan tugas kumpulan.

Tahap Kemahiran Merancang dan Mengelola Aktiviti

Tahap kemahiran merancang dan mengelola aktiviti dalam kajian ini masih berada pada tahap yang tinggi juga iaitu dengan min 4.03. Seramai 61 orang (50.8%) guru telah menanda skala sangat kerap bagi pernyataan item merancang aktiviti pengajaran sebelum masuk ke kelas Guru didapati telah merancang aktiviti pengajaran sebelum masuk ke kelas dan melakukan aktiviti yang banyak di kelas. Dapatan kajian ini selaras

dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Zulkiflie (2005). Dapatan kajian beliau mendapati bahawa guru mengamalkan strategi pengajaran berpusatkan pelajar dan sangat kerap menggunakan kaedah perbincangan, kolaboratif, generatif dan kaedah inkuiri.

Kajian ini juga mendapati tahap kemahiran merancang dan mengelola aktiviti antara kemahiran generik yang berada pada tahap yang tinggi penerapannya tidak selaras dengan dapatan Siti Hajar (1996). Hasil dapatan beliau ialah aktiviti permainan bahasa kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah. Antara alasan yang diberikan adalah seperti tiada ruang di dalam bilik darjah, bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas, aktiviti ini memerlukan perancangan yang rapi, kekangan masa, ketiadaan alat dan bahan yang berkaitan dan sebagainya. Dalam kajian ini, didapati guru Bahasa Melayu kurang memberikan tugas kepada pelajar untuk membuat projek bercirikan inovasi.

Tahap Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Tahap kemahiran menyelesaikan masalah juga berada pada tahap tinggi iaitu dengan min sebanyak 4.02. Seramai 74 orang (61.7%) guru telah menanda skala kerap bagi pernyataan item memberi tugas yang memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Responden kajian juga kerap memastikan pelajar menyelesaikan masalah yang diberi dalam jangka masa yang ditetapkan. Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Sattar (2009) mendapati bahawa kemahiran menyelesaikan masalah adalah antara item-item yang diutamakan oleh majikan. Kajian beliau yang dilakukan terhadap 107 majikan telah menyokong dapatan kajian ini yang mendapati tahap kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap yang tinggi kerana guru sedar akan kepentingannya untuk kebolehpasaran bekerja.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Christina et al. (2010). Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat penerapan kemahiran menyelesaikan masalah oleh pelajar-pelajar tahun akhir kursus Kemahiran Hidup, Fakulti Pendidikan UTM dengan memperoleh nilai min yang tinggi, iaitu 4.12. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus kemahiran hidup mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah.

Dapatan kajian yang mengatakan kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap yang tinggi dalam kajian ini berbeza dengan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Rafiei (1998). Kajian yang dilakukan terhadap 657 orang guru Bahasa Melayu di 185 buah sekolah ini mendapati bahawa pengetahuan guru tentang kemahiran berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih rendah.

Tahap Kemahiran Menggunakan Teknologi

Berdasarkan dapatan kajian didapati kemahiran generik yang paling kurang diterapkan oleh guru-guru Bahasa Melayu ialah kemahiran menggunakan teknologi. Kemahiran

menggunakan teknologi adalah satu satunya kemahiran yang berada pada tahap yang sederhana, sedangkan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran beretika dan moral, kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti dan kemahiran menyelesaikan masalah semuanya berada pada tahap yang tinggi. Min keseluruhan bagi kemahiran menggunakan teknologi ialah 2.73. Berdasarkan dapatan kajian, min yang tertinggi ialah sebanyak 3.04 dicatat pada item 12. Seramai 44 orang (36.7%) guru telah menanda skala sangat kurang kerap bagi pernyataan item memberi tugas yang memerlukan pelajar mencari maklumat dengan menggunakan Internet. Manakala pernyataan item 12 mencatatkan min terendah iaitu 2.50. Pernyataan item tersebut ialah menunjuk cara kepada pelajar menggunakan komputer dengan betul dan cekap. Terdapat 37 orang (30.8%) guru yang telah menandakan skala sangat kurang kerap menunjuk cara kepada pelajar menggunakan komputer dengan betul dan cekap. Lebih ramai responden telah memilih skala sangat tidak kerap berbanding dengan skala sangat kerap dalam item bagi konstruk kemahiran menggunakan teknologi ini. Sekali gus telah meletakkan kemahiran menggunakan teknologi ini berada pada tahap sederhana.

Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Ambigapathy dan Suthagar (2003). Mereka membuktikan dalam kajian mereka bahawa guru mempunyai sikap dan persepsi yang positif terhadap penggunaan TMK dalam pendidikan. Dapatan menunjukkan 76.67 peratus bersetuju bahawa TMK adalah alat bantu mengajar yang efektif. Begitu juga dengan kajian Mohd Khairuddin (2005) yang mengkaji kesediaan guru Bahasa Melayu menggunakan teknologi berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di lapan buah sekolah menengah sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Hasil kajiannya mendapati keprihatinan guru tersebut terhadap penggunaan teknologi komputer berada pada tahap tinggi dan mempunyai sikap yang positif terhadap teknologi komputer. Namun dari aspek kemahiran dan pengetahuan, guru tersebut masih lagi memiliki kemahiran dan pengetahuan yang sederhana. Dapatan kajian tersebut didapati selari dengan dapatan pengkaji mengenai penerapan kemahiran generik guru-guru Bahasa Melayu di daerah Kluang. Pengkaji juga mendapati bahawa dari aspek kemahiran menggunakan teknologi, tahap penerapannya masih lagi berada pada tahap sederhana.

Dapatan daripada hasil analisis kajian menunjukkan kepada kita bahawa kemahiran menggunakan teknologi berada pada kedudukan hieraki yang paling rendah diterap oleh guru Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, untuk menangani masalah ini penggunaan teknologi maklumat perlu ditekankan oleh guru. Guru-guru harus mengintegrasikan kemahiran teknologi komputer kepada pelajar, malah pihak KPM telah pun memperuntukkan belanjawan yang besar dengan membekalkan kemudahan komputer yang cukup ke sekolah-sekolah untuk pengajaran. Penggunaan komputer dalam pendidikan akan menarik minat pelajar untuk belajar dan memudahkan kerja guru dalam pengajaran, penilaian dan merekod prestasi pelajar. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berfikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Penerapan Kemahiran Generik antara Guru Lelaki dengan Guru Perempuan dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan dalam dalam penerapan kemahiran generik antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hasil dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof dan Seri Bunian (2009). Mereka telah menjalankan kajian mengenai penerapan kemahiran generik terhadap 71 orang pensyarah program Kejuruteraan di Politeknik Sultan Azlan Shah. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat perbezaan antara tahap enam kemahiran generik merentas jantina. Hasil kajian mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik mengikut jantina.

Terdapat juga sebuah kajian yang dilakukan oleh Megat Aman Zahiri (2007) yang telah dibentangkan di seminar penyelidikan pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang. Beliau telah mengkaji kemahiran generik dalam kalangan guru-guru pelatih UTM dan hubungannya dengan faktor demografi seperti jantina, pengkhususan dan pencapaian Hasil kajian beliau turut selaras dengan kajian pengkaji yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik mengikut jantina dan kesemua min jantina berkisar antara markah 3.90 hingga 4.10. Kajian yang melibatkan 75 orang guru pelatih lelaki dan 239 orang guru pelatih perempuan.

Kajian yang dilakukan oleh Anisah (2010) terhadap 127 pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu, juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan bagi konstruk yang dikajinya, iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran generik boleh diterapkan oleh sesiapa sahaja sama ada guru itu lelaki dan perempuan. Kebanyakan kajian yang mengkaji kemahiran generik merentas jantina mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara lelaki dengan perempuan adalah selaras dengan dapatan kajian pengkaji.

Pengalaman Mengajar dengan Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Dapatan kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran generik antara responden berdasarkan pengalaman mengajar. Hal ini menunjukkan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu tidak bergantung kepada pengalaman mengajar guru. Walau bagaimanapun dapatan ini adalah tidak selari dengan kenyataan NCVER (2000), yang mengatakan bahawa kejayaan dalam menerapkan kemahiran generik lebih banyak bergantung kepada pendidik yang mempunyai pengalaman. Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2008) berpendapat guru yang berpengalaman mampu menggunakan gabungan kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai untuk menerapkan kemahiran generik yang diperlukan oleh pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih

berkesan. Tambahnya lagi pengalaman guru yang luas membolehkan guru mengajar dan mendidik dengan lebih berkesan. Kualiti kurikulum dan tenaga pengajar mempengaruhi tahap kebolehan dan ketrampilan pelajar. Mohd Safarin dan Kamaruddin (2004) berpendapat para pendidik didapati berminat dengan kemahiran generik kerana kemahiran ini akan menggalakkan pelajar lebih reflektif, dan juga berpusatkan diri. Kesimpulannya, pengalaman mengajar guru tidak memberi kesan terhadap penerapan kemahiran generik.

KESIMPULAN

Pengajaran bahasa dengan menggunakan komputera adalah antara kaedah pengajaran yang dianggap bersesuaian dengan keperluan pendidikan kini. Penggunaan computer dalam pengajaran bahasa mampu mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan penguasaan kemahiran bahasa pelajar. Walaupun mata pelajaran Bahasa Melayu hanya melibatkan penguasaan kemahiran bahasa yang kelihatannya agak mudah untuk dikuasai, namun masih terdapat beberapa isu yang dianggap boleh mengganggu keberkesanan pengajaran. Oleh hal yang demikian, penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu usaha yang sesuai untuk memberikan impak terhadap permasalahan yang dihadapi. Walaupun terdapat kesukaran dalam melaksanakannya, guru perlu bersedia dengan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan keperluan pendidikan kini yang memerlukan pengajaran lebih berpusatkan pelajar.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Ipoh, Perak: Quantum Books.
- Ahmad Atory. (1991). *Pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ahamad Sipon. (2005). Perutusan Hari Guru 2005. <http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm> [20 Feb 2009]
- Ambigapathy, P. & Suthagar, N. (2003). Literasi teknologi komputer: Persepsi dan penggunaan di kalangan guru. Dlm. Pandian, A. (Editor). *Bahasa dan literasi penyelidikan dan peninjuan untuk pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Anisah Alias. (2010). Penggunaan instrumen MyGSI dalam mengukur tahap kemahiran generik pelajar opsyen Bahasa Melayu di sebuah IPTA dan IPG. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azam Awang. (2007). Tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Kejuruteraan di sekolah menengah teknik di negeri Kelantan dan Terengganu. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azam Adnan. (2010). Inisiatif pengetua dalam menentukan kejayaan organisasi sekolah. *Jurnal Pendidikan*. <http://www.smkbp.com/index.php/laman-pengetua/138-cabaran-guru-masa-kini> [2 Februari 2011].

- Christina Andin @ Nur Qistina & T. Daud, Tuan Mohd Has'wadi. (2010). Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan, UTM, 1-9. [http://eprints.utm.my/10520/1/Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/10520/1/Penerapan_Kemahiran_Generik_Dalam_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Di_Kalangan_Pelajar_Tahun_Akhir_Kursus_Kemahiran_Hidup_Fakulti_Pendidikan.pdf). [14 September 2010].
- Hussin Sharif. (1999). Persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Juriah Long & Zainal Abidin. (2006). Keberkesanan Bahasa Melayu. *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. 465-486. <http://www.kongresbahasa.org/wp-content/uploads/2006/11/047.pdf>. [18 November 2010].
- Khairuddin Mohamad. (2008). Amalan Penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen KOMSAS Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Megat Aman Zahiri Megat Zakaria. (2007). Hubungan antara kemahiran generik dengan jantina, pengkhususan dan pencapaian guru-guru Pelatih UTM: Satu tinjauan. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2007/TeacherEdn/megatUTMfp.pdf>. [20 Oktober 2010].
- Mohd Khairuddin Jamaluddin. (2005). Kesiediaan guru Bahasa Melayu menggunakan teknologi berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Safarin Nordin & Kamaruddin Md. Tahir. (2004). *Kemahiran generik: kepentingan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini*. Kertas Kerja Seminar Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Husain & Seri Bunian Mokhtar. (2009). Penerapan kemahiran generik dalam program Kejuruteraan di Politeknik Sultan Azlan Shah. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional 2009*. http://www.psas.edu.my/portal/download/umum/penerapan_kemahiran_generik_%20dalam_program_kejuruteraan_di_politeknik_sultan_azlan_shah.pdf. [12 Jun 2010].
- NCVER (National Centre for Vocational Education Research). (2003). *Defining generic skills: At a glance*. NCVER. Adelaide. <http://www.ncver.edu.au/research/proj/nr2102b.pdf>. [20 Jun 2009].
- Norlela Abdollah. (2007). Penyerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. Pojek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 4. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1999). Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000: Bab 6 Pembangunan Sumber Manusia. Bil. 1/1999. ISSN.0128.8709 Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rafiei Mustapha. (1998). Kemahiran Berfikir Secara Kristis dan Kreatif (KBKK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Jemaah Nazir. Kementerian Pendidikan. <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/1998/98/Rafiei.pdf>. [13 Oktober 2009].
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak. (2008). Pemeriksaan *Differential Item Functioning* (DIF) Instrumen Pentaksiran Kemahiran Generik. Seminar Psikologi dan Pembangunan Manusia.
- Saiful Bahari Muhamad. (2008). Penyerapan nilai murni dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah rendah. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Permainan bahasa untuk sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Yeop Hussin. (2006). *Kerja berpasukan*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*. Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Cetakan kedua. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaridah Othman. (2005). Amalan Penerapan nilai murni dalam pengajaran mata pelajaran KBSM di sekolah menengah daerah Jasin: Satu kajian kes. Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zulkiflie Mad Aros. (2005). Strategi pengajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di Sekolah Bestari Negeri Selangor Darul Ehsan. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Umi Nadiha Mohd Nor
SMK Tengku Aris Bendahara
86000 Kluang, Johor
nadiha82@yahoo.com